

PM tiba di Brazil hadir sidang kemuncak pemimpin BRICS

BERITA HARIAN 08 JUL 2025 m/s: 3

Rio De Janeiro: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tiba di Brazil bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS ke-17 yang berlangsung dari 6 hingga 7 Julai.

Pesawat sewaan khas Malaysia Airlines yang membawa beliau dan delegasi mendarat di Pangkalan Tentera Udara Galeao Rio De Janeiro pada jam 5.40 pagi waktu tempatan (4.40 petang waktu Malaysia).

Anwar yang tiba dari Paris selepas menamatkan lawatan rasmi dua hari ke Perancis disambut Pemangku Ketua Perwakilan Kedutaan Besar Malaysia di Brasilia, Datuk Mohammad Ali Selamat dan Setiausaha Promosi Perdagangan, Sains, Teknologi, Inovasi dan Kebudayaan Brazil, Laudemar Goncalves de Aguiar Neto.


Anwar dijadual menyampai-

kan dua kenyataan negara pada Sidang Kemuncak BRICS.

Mohammad Ali berkata, kedua-dua intervensi itu mencerminkan komitmen teguh Malaysia untuk mengukuhkan multilateralisme dan mengangkat suara dan kepentingan negara membangun, sejajar dengan objektif teras BRICS 2025.

Penyertaan Malaysia dalam sidang kemuncak itu adalah atas kapasitinya sebagai Negara Rakan BRICS dan selaku Pengerusi ASEAN 2025. Malaysia secara rasmi menjadi Negara Rakan BRICS pada 1 Januari tahun ini.

Sementara itu, ketika lawatan ke Rio de Janeiro, Anwar yang juga Menteri Kewangan dijadualkan mengadakan mesyuarat perniagaan dengan syarikat aeroangkasa multinasional Brazil, Embraer.



Anwar disambut delegasi ketika tiba di Pangkalan Tentera Udara Galeao Rio De Janeiro, Brazil, semalam.

(Foto Pejabat Perdana Menteri)